



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

SIARAN MEDIA PENUBUHAN JAWATANKUASA SEMAKAN DAN PEMBAHARUAN UNDANG- UNDANG MARITIM MALAYSIA (MLRRC)

Putrajaya, 10 Julai 2025 – Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) hari ini secara rasmi menubuhkan **Jawatankuasa Semakan dan Pembaharuan Undang-Undang Maritim Malaysia (Malaysia Maritime Law Revision and Reform Committee – MLRRC)**. Penubuhan jawatankuasa ini merupakan langkah strategik bagi memperkasa landskap perundangan sektor maritim negara, selaras dengan amanat **YAB Perdana Menteri** menerusi **Ikhtiar 10: Reformasi Perundangan dan Institusi** dalam pembentangan Belanjawan 2025.

Bersempena penubuhan tersebut, **Majlis Penyampaian Watikah Pelantikan kepada ahli-ahli Jawatankuasa MLRRC** telah disempurnakan oleh Menteri Pengangkutan, sekali gus menandakan permulaan rasmi pelaksanaan semakan dan pembaharuan undang-undang maritim negara secara kolektif dan berfasa.

Penubuhan Jawatankuasa ini mencerminkan komitmen Kerajaan untuk membina sistem perundangan maritim negara yang moden, progresif dan responsif terhadap landskap perdagangan laut yang semakin kompleks. Malaysia, sebagai negara perdagangan yang bergantung kepada sektor perkapalan dan pelabuhan — di mana **94.6% dagangan negara adalah melalui laut** — memerlukan undang-undang maritim yang cekap, relevan dan selari dengan amalan antarabangsa.

SKOP DAN PELAKSANAAN MLRRC

Jawatankuasa MLRRC akan menjalankan proses semakan, kajian pembaharuan dan penggubalan undang-undang maritim secara berfasa, mengambil kira magnitud serta kompleksiti kerja setiap instrumen perundangan yang terlibat.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

Pada masa sama, jawatankuasa ini turut diberikan mandat menyemak dan mengesyorkan penambahbaikan terhadap undang-undang maritim di bawah bidang kuasa Kementerian dan agensi lain, memandangkan sistem perundangan maritim negara bersifat **polisentrik**.

Fasa pertama tugas Jawatankuasa MLRRC akan memberi tumpuan kepada enam (6) instrumen perundangan utama iaitu:

1. Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 [Ord. 70/1952]
2. Ordinan Perkapalan Saudagar 1960 (Sabah) [Ord. No. 11/1960]
3. Ordinan Perkapalan Saudagar 1960 (Sarawak) [Ord. No. 2/1960]
4. Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang 1955 [Akta 140]
5. Akta Lembaga Pelabuhan 1963 [Akta 488]
6. Akta (Penswastan) Pelabuhan 1990 [Akta 422]

KEANGGOTAAN MLRRC

Jawatankuasa ini diterajui oleh **YA Tan Sri Datuk Nallini Pathmanathan, Hakim Mahkamah Persekutuan** sebagai Pengerusi, bersama **YA Ong Chee Kwan, Hakim Mahkamah NCC 2 & Dagang 9 (Admiralti)** selaku Timbalan Pengerusi. Keanggotaan MLRRC terdiri daripada **23 ahli tetap** merangkumi wakil kementerian/jabatan, Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak, pengamal undang-undang, ahli akademik, agensi penguatkuasaan, wakil industri serta mantan pegawai kanan kerajaan.

Bagi memperkukuh kepakaran teknikal, **8 orang pakar Ad Hoc** turut dilantik merangkumi bidang perkapalan, operasi pelabuhan, latihan maritim dan undang-undang perkapalan antarabangsa.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

Senarai penuh keanggotaan Jawatankuasa MLRRC dilampirkan bersama untuk rujukan (sila rujuk lampiran).

KOMITMEN MOT

Pelaksanaan semakan dan pembaharuan undang-undang ini akan dilaksanakan secara berperingkat sehingga tahun hadapan, seiring dengan Dasar Pengangkutan Negara serta menyokong agenda reformasi perundangan maritim negara ke arah sebuah sistem yang lebih mampan, inklusif dan dinamik.

Kementerian Pengangkutan Malaysia kekal komited untuk terus memperkukuh tadbir urus dan kerangka perundangan maritim demi menjamin daya saing industri perkapalan negara di peringkat serantau dan global.

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

10 Julai, 2025

-TAMAT-

MENGENAI MOT:

Kementerian Pengangkutan Malaysia bertekad untuk memimpin dalam sistem pengangkutan bersepadu, cekap dan selamat dengan memperkasakan sistem pengangkutan berasaskan teknologi sebagai pemangkin pembangunan negara.

PERTANYAAN MEDIA

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Pengangkutan

Tel +603 8892 1027 (Unit Komunikasi Korporat)
E-mel unitkomunikasikorporat@mot.gov.my





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

LAMPIRAN

JAWATANKUASA SEMAKAN DAN PEMBAHARUAN UNDANG-UNDANG MARITIM MALAYSIA

Pengerusi

1. **YA Tan Sri Datuk Nallini Pathmanathan** (Hakim Mahkamah Persekutuan)

Timbalan Pengerusi

2. **YA Ong Chee Kwan** (Hakim Mahkamah NCC 2 & Dagang 9 (Admiralti))

Ahli-ahli Jawatankuasa

3. **YBhg. Datuk Haji Dickson Dollah** (Ketua Pengarah Laut, Jabatan Laut Malaysia)
4. **YBrs. Prof. Dr. Chuah Chin Tik** (Dekan Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya)
5. **YBrs. Kapten K. Subramaniam** (Pengurus Besar, Lembaga Pelabuhan Kelang)
6. **YBrs. Puan Farhatun binti Abdull Samat** (Ketua Unit Undang-Undang Pelbagai, Bahagian Penyemakan dan Pembaharuan Undang-Undang, Jabatan Peguam Negara)
7. **YBrs. Puan Suriyani binti Ali** (Timbalan Pengarah I, Bahagian Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Kementerian Ekonomi)
8. **YBrs. Tuan Jaya Singam Rajoo** (Pengarah Kanan, Bahagian Dasar dan Rundingan Pelbagai Hala Kementerian Pelaburan, Perdagangan Dan Industri)





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

9. **YBrs. Tuan Selamat Jati Yanjah** (Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Pengangkutan Sarawak)
10. **YBrs. Tuan Haji Latiff bin Coupon** (Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan Sarawak)
11. **YBrs. Dr. Jady @ Zaidi bin Hassim** (Peguam Kanan Negeri, Jabatan Peguam Besar Negeri Sarawak)
12. **YBhg. Datuk Puan Dayanku Fazidah Hatun binti Pg. Bagul** (Timbalan Peguam Besar Negeri Sabah I, Jabatan Peguam Besar Negeri Sabah)
13. **YBrs. Tuan Maswandie bin Maimoon** (Pengarah, Jabatan Pelabuhan dan Dermaga Sabah)
14. **YBrs. Komander Maritim Mohd Fadhlie bin Ab Khalil** (Ketua Penolong Pengarah, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia)
15. **Puan Munirah binti Muhamed Padzil** (Penasihat Undang-Undang, Kementerian Pengangkutan Malaysia)
16. **YBrs. Dr. Siva Sangar Krishnan** (Setiausaha Bahagian Maritim, Kementerian Pengangkutan Malaysia)
17. **YBhg. Dato' Mohamed Suffian bin Awang** (Pengerusi, Institut Maritim Malaysia)
18. **YBhg. Dato' Baharin bin Dato' Abdul Hamid** (Mantan Ketua Pengarah Laut, Jabatan Laut Malaysia)
19. **YBhg. Dato' Abdullah Yusuff bin Basiron** (Mantan Setiausaha Bahagian Maritim, Kementerian Pengangkutan Malaysia)
20. **YBrs. Tuan Muhammad Razif bin Ahmad** (Mantan Pengurus Besar, Lembaga Pelabuhan Johor)
21. **YBrs. Tuan Mathew Kurien** (Pengerusi Jawatankuasa Undang-undang Admiralti dan Perkapalan, Majlis Peguam Malaysia)
22. **YBrs. Tuan Jeremy M. Joseph** (Pengasas, Joseph & Partners)





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

23. **YBrs. Puan Trishelea Ann Sandosam** (Pengerusi, International Malaysian Society of Maritime Law)

Ahli-ahli Jawatankuasa Ad Hoc

1. **YBrs. Prof. Ts. Dr. Md Redzuan bin Zoolfakar** (Pensyarah Maritim, Universiti Kuala Lumpur)
2. **YBrs. Ts. Dr Captain Manivannan Subramaniam** (Ketua Eksekutif , Akademi Laut Malaysia)
3. **YBrs. Tuan Ooi Lean Hin** (Pengarah Urusan, MTT Shipping Sdn. Bhd)
4. **YBrs. Tuan Mohamed Safwan bin Othman** (Presiden/Pengarah Urusan Kumpulan, Dinastia Jati Group of Companies)
5. **YBrs. Kapten Cheah Sin Bi** (Ketua Pegawai Eksekutif , Orkim Sdn. Bhd.)
6. **YBrs. Kapten Rajalingam Subramaniam** (Ketua Pegawai Eksekutif, Fleet Management Limited)
7. **YBrs. Tuan Mohd Fairoz bin Rozali** (Pegawai Laut, Jabatan Laut Malaysia)
8. **YBrs. Kapten M. Prathaban** (Pengurus Besar, Ships Classification Malaysia)

Sekretariat

1. **Bahagian Maritim, Kementerian Pengangkutan Malaysia**
2. **Institut Maritim Malaysia**

